

PENGENDUR OTOT TULANG

Baclofen
Eperisone



MENGENAI ubat anda

Baclofen dan eperisone merupakan pengendur otot tulang. Ia digunakan untuk mengurangkan simptom-simptom ketegangan dan keketatan otot yang disebabkan oleh kecederaan spinal cord. Ia dapat mengurangkan kesakitan dan meningkatkan pergerakan.

BAGAIMANAKAH saya mengambil ubat ini?

Doktor anda akan menentukan jumlah ubat yang anda perlu berdasarkan keadaan anda. Ambil ubat ini mengikut dos yang dipreskripsikan oleh doktor anda.

Baclofen dan eperisone pada umumnya diambil tiga kali sehari selepas makanan. Baclofen mungkin mengambil tiga hingga empat hari untuk menunjuk kesan.

Apa yang patut saya buat jika saya TERLUPA satu dos?

Jika anda tertinggal satu dos atau terlupa ambil ubat anda, ambil dos tersebut sebaik sahaja anda ingat. Namun, jika sudah menghampiri masa untuk dos yang berikutnya, maka tunggu sehingga masa tersebut dan biarkan sahaja dos yang terlupa. Jangan gandakan dos anda atau mengambil ubat yang berlebihan demi mengantikan dos yang terlupa. Jika anda sudah terlupa beberapa dos, sila panggil doktor anda untuk nasihat apa yang patut anda buat.

Apakah KESAN-KESAN SAMPINGAN yang mungkin berlaku untuk ubat ini?

Ubat-ubat ini mungkin menyebabkan rasa mengantuk dan mengurangkan kesegaran dan pemikiran. Pesakit-pesakit yang mengambil ubat ini tidak boleh memandu atau mengendalikan mesin. Kesan-kesan sampingan biasa yang lain termasuk insomnia, pertuturan yang tidak jelas serta kelemahan otot.

Apakah LANGKAH BERJAGA-JAGA yang patut saya ambil?

Beritahu doktor dan ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat-ubat lain, sediaan-sediaan jamu, produk-produk nutrisi atau vitamin.

Anda mesti beritahu doktor anda jika anda mengalami alahan terhadap ubat-ubat lain atau jika alahan berlaku semasa mengambil ubat ini. Simptom-simptom alahan termasuk salah satu atau lebih daripada yang berikut: kebengkakan muka/mata/bibir mulut, kesukaran bernafas atau kegatalan ruam kulit yang merebak.

Beritahu doktor anda jika anda sedang menyusui anak, sedang hamil atau mungkin akan hamil semasa khusus rawatan. Jangan hentikan pengambilan ubat-ubat anda dengan mendadak tanpa memberitahu doktor anda.

Bagaimana patut saya MENYIMPAN ubat?

Simpan ubat di tempat yang kering pada suhu bilik, jauh daripada haba dan cahaya matahari langsung. Jangan simpan ubat di dalam peti sejuk kecuali diarahkan untuk membuat demikian.

